

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK
KUMBONG [HULU RAJANG]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian ada perancangan untuk membina jalan-jalan di Jalan Tegulang, Belaga, Jalan Metalun, Belaga, Jalan Rumah Juntan dan Jalan Ng. Gaat ke Rumah Tunku, Sg. Gaat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Tegulang (Fasa 5), Kapit dan Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Metalun (Fasa 6) telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rolling Plan Ketiga, tahun 2018, RMKe-11 dengan kos keseluruhan berjumlah RM61.0 juta dan RM112.0 juta. Status terkini bagi kedua-dua projek ini adalah di peringkat perlantikan perunding dan dijangka tender pada bulan Mac 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Projek Jalan Rumah Juntan ke Jalan Melekun, Nanga Sut, Kapit, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rolling Plan 2, tahun 2017, (RP2, RMKe-11) dengan kos keseluruhan berjumlah RM60.0 juta. Skop projek ini membina jalan sepanjang 11km spesifikasi JKR R1 dan 3 buah

NO. SOALAN : 40

jambatan. Status terkini bagi projek ini adalah di peringkat perlantikan perunding dan dijangka tender pada bulan Mac 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Projek Jalan dari Nanga Gaat Ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sg. Gaat, Bahagian Kapit telah dipohon untuk dilaksanakan di bawah Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12), Tahun 2021. Walau bagaimanapun, kelulusan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.